

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2003/2004

September/Oktober 2003

RPK 532 – Perancangan Pembangunan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

1. (a) Perhubungan dan suasana yang baik antara Pemaju, Pengurus Projek, Perunding dan Kontraktor akan menghasilkan sebuah projek pembangunan yang berjaya dan berdaya maju. Bincangkan faktor-faktor yang boleh mewujudkan suasana tersebut?

(10 markah)

- (b) Pemaju besar dan pemaju kecil mempunyai beberapa perbezaan dalam aspek pembangunan dan pengurusan bagi projek pembangunan yang mereka majukan. Huraikan aspek-aspek berkenaan.

(10 markah)

- (c) Berikan pendapat anda mengapakah terdapat projek pembangunan yang tidak dapat dimajukan dengan lancar oleh sesetengah pemaju kecil sedangkan projek berkenaan telah melalui proses perancangan yang komprehensif dan mempunyai unsur-unsur potensi yang kuat untuk berjaya?

(5 markah)

2. (a) Aktiviti pemajuan sesebuah projek pembangunan akan melalui urutan proses pelaksanaan yang sistematik, terancang dan menghasilkan faedah untuk pengguna. Huraikan peringkat-peringkat di dalam pelaksanaan projek, bermula dari peringkat perancangan awal sehingga projek dibekalkan kepada pengguna.

(10 markah)

- (b) Seorang Pengurus Projek/Penyelaras Projek akan mengamalkan kaedah berikut bagi proses pengurusan yang efektif, iaitu:

- i. Merancang dan mengatur
- ii. Menyelia dan menyelaras
- iii. Mengawal
- iv. Menilai.

Meskipun demikian terdapat beberapa isu dan halangan semasa mengamalkan kaedah di atas sehingga boleh menjejaskan kelancaran pelaksanaan projek berkenaan. Bincangkan isu dan halangan tersebut.

(15 markah)

3. Setiap pembangunan yang akan dilaksanakan perlu melalui proses perancangan yang komprehensif dan mendalam. Antara peringkat awal perancangan adalah mengenalpasti (kajian pengesanan/kajian kemungkinan) tanah-tanah yang berpotensi dan mempunyai pelaburan yang tinggi untuk dimajukan.

- (a) Bincangkan aspek-aspek/elemen-elemen yang perlu dikaji dan berikan rasional atau keperluan setiap kajian berkenaan.

(15 markah)

- (b) Berikan hujah anda apakah kesannya jika aspek-aspek berkenaan tidak dijalankan secara menyeluruh dan terperinci.

(5 markah)

- (c) Berikan satu contoh projek pembangunan yang anda fikir dibangunkan dengan tidak mengambilkira kepentingan kajian awalan tadi.

(5 markah)

4. Todaro berpendapat: "Development must be conceived of as a multidimensional process involving major changes in social structures, popular attitudes, and national institutions as well as the acceleration of economic growth, the reduction of inequality and the eradication of absolute poverty". (Pembangunan perlu dilihat sebagai satu proses pelbagai dimensi yang melibatkan perubahan-perubahan besar dalam struktur sosial, sikap dan institusi kebangsaan, serta kepesatan pertumbuhan ekonomi, pengurangan ketaksamaan dan penghapusan kemiskinan mutlak).

- (a) Huraikan pendapat di atas dan nyatakan pendapat anda beserta contoh-contoh yang relevan.
- (b) Mengapakan perlu seorang perancang memahami makna pembangunan dengan baik?

(25 markah)

5. Huraikan perbezaan-perbezaan utama di antara teori neo-klasikal kaunter revolusi dengan teori pergantungan antarabangsa. Bincangkan implikasi perbezaan ini kepada dasar pembangunan.

(25 markah)

6. (a) Bincangkan secara ringkas teori Tahap Pertumbuhan Linear yang dianjurkan oleh Rostow.

(10 markah)

(b) Pada pendapat anda, adakah teori ini dapat diterima pakai untuk menganalisis pertumbuhan ekonomi negara sedang membangun pada hari ini. Berikan sebab-sebab anda berpendapat demikian.

(15 markah)

-ooo00ooo-

